

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Kerajaan tidak mengatur untuk Usul Tidak Percaya terhadap beliau disenaraikan sebagai urusan pertama Parlimen, satu perkara yang lumrah/konvensyen dalam sistem demokrasi berparlimen.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan Peraturan Mesyuarat 15(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, pada tiap-tiap hari persidangan mesyuarat, urusan Kerajaan hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain. Sehubungan dengan itu, urusan-urusan lain termasuk usul persendirian hanya akan dibahaskan selepas semua urusan Kerajaan selesai.

Sekian, terima kasih.